

# EAG bantu Usim bangunkan teknologi hijau

**NILAI** – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) memperluas penyelidikan dalam bidang pembangunan teknologi hijau menerusi jalinan kerjasama antara syarikat perunding teknologi hijau, EAG Consulting Sdn. Bhd. (EAG).

Kerjasama tiga penjurutur turut melibatkan syarikat automotif Vision Motor Sports Sdn. Bhd.

Usaha sama itu menyaksikan EAG menyumbang sebanyak 30 unit panel solar bernilai RM90,000 untuk dipasang di Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Usim bagi tujuan menjalankan penyelidikan tenaga hijau.

Pengarah Urusan EAG Consulting Sdn. Bhd, Raja Hizad Raja

Kamarulzaman berkata, sumbangan itu merupakan salah satu tanggungjawab sosial (CSR) syarikatnya untuk membantu universiti ini menjalankan penyelidikan.

"Usaha ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kesan rumah hijau.

"Saya dimaklumkan panel solar ini akan digunakan sebagai projek rintis mewujudkan stesen pengecas telefon bimbit dan komputer riba pelajar.

"Selain itu, ia juga akan dimanfaatkan dalam penyelidikan lampu jalan LED oleh pensyarah FST Usim," katanya pada Majlis Simbolik Penyerahan Panel Solar dan Menandatangani Perjanjian MoU di Usim, kelmarin.



Raja Hizad (tengah) menunjukkan sijil persetujuan dan persefahaman kepada Dr Mustafa sambil disaksikan Abdul Mutalib.